



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN PSIKOLOGI
BANGUNAN MKN-EMBASSY TECHZONE
ARAS 4, BLOK A, NO. 3200 JALAN TEKNOKRAT 2
63000 CYBERJAYA, SEPANG
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel. : 03-8316 4000
Faks : 03-8320 1972 / 73 / 76
Web : <http://www.jpa.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO. SIJIL : MY-AR-4697

Ruj. Kami : JPA (Ps)175/25/2-14,8(15)
Tarikh : **24** Julai 2013

Senarai Edaran Seperti Di Lampiran

YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) sebagai panduan kepada pihak pengurus sumber manusia dan pegawai psikologi di kementerian dan agensi. Langkah ini diambil selaras dengan proses transformasi AKRAB ke arah melahirkan ahli AKRAB yang lebih dinamik dan cemerlang.

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, garis panduan ini akan digunakapakai bagi tujuan pelaksanaan program AKRAB yang lebih komprehensif oleh pihak pengurus sumber manusia dan pegawai psikologi di kementerian dan agensi. Garis panduan ini merangkumi modul Pra AKRAB dan Pasca AKRAB serta pengiktirafan/penganugerahan AKRAB.

4. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk memberi perhatian berhubung penyelarasan dan penganjuran Program AKRAB mengikut garis panduan terbaharu ini. Bersama-sama ini disertakan salinan garis panduan pelaksanaan untuk perhatian dan rujukan pihak YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan.

2/...

5. Sekiranya pihak YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan mempunyai sebarang kemusykilan berkenaan perkara ini, bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

- i. **En. Sadli bin Osman**
Tel : 03-8316 4049
E-mel : sadli@jpa.gov.my

- ii. **Puan Nor Azizi Binti Mansor**
Tel : 03-8316 4393
E-mel : azizi.mansor@jpa.gov.my

Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. ISMAIL BIN ALIAS)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia